

Dr Mastura Badzis →

bhntita@bharian.com.my



leda: Saya sudah habis daya mendidik dan menyuruh anak saya yang berusia 5 tahun untuk berpuasa. Adakan menyuruh saya menawarkan ganjaran seperti wang dan permainan kepadanya, tetapi saya enggan kerana tidak mahu dia melihat berpuasa itu sebagai peluang mendapat permainan dan bukannya tuntutan wajib.

Perkataan kanak-kanak dalam bahasa Arab berasal daripada *tifl* yang merujuk sesuatu yang lembut, mudah rosak, mudah terdedah kepada bahaya dan sensitif. Ini bermakna ia perlukan penjagaan, asuhan dan didikan yang rapi tanpa ada unsur paksaan dan tekanan kerana perbuatan itu akan merosakkannya.

Seorang penulis Arab, Dr Fakhir Aqil, mengibaratkan kanak-kanak sebagai satu anggota tubuh yang tidak boleh dipisah-pisahkan; justeru, untuk memahami dan

Bukan bahan gertak “

mendalami kanak-kanak, setiap perincian jujuk anggota itu perlu diselami dan difahami kerana ada keunikan tersendiri.

Tuntutan wajib berpuasa kepada umat-Nya adalah diperintahkan kepada hamba-Nya yang mukallaf, sudah baligh dan bertanggung jawab ke atas dirinya sendiri. Kanak-kanak bagaimanapun, terkeluar daripada tuntutan itu kerana mereka masih belum mencapai usia baligh. Perhatikan ciri-ciri semula jadi kanak-kanak, terutama bawah usia 7 tahun, mereka masih belum boleh membezakan antara yang buruk dan baik, realiti dan fantasi.

Pengalaman langsung Pemahaman kanak-kanak bawah usia 7 tahun mengenai sesuatu yang berbentuk konsep atau abstrak, secara umumnya masih di tahap samar-samar kecuali didehkan secara langsung

atau dialami menggunakan kelima-lima deria. Misalnya, jika anak berusia 5 tahun kali pertama didedahkan gambar seekor gajah berwarna kelabu tanpa melihat sendiri fizikal haiwan itu, apabila dibawa pulang ke kampung dan melihat kerbau, sudah pasti dia menggelar kerbau itu 'gajah' kerana persamaan warna dan jumlah kaki haiwan itu. Apa yang pasti, jika si anak ini ditunjukkan seekor gajah sebenar di zoo, sudah pasti dia dapat membezakan dua haiwan berkenaan.

Bagi melatih anak berpuasa, misalnya, perlu diingat puasa atau pengertiannya itu yang bersifat *conceptual* sukar untuk difahami si kecil. Tanggungjawab mukallaf berpuasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, tetapi juga mengandungi pelbagai hikmah memerlukan tahap pemikiran yang boleh menyelami dan menilai sesuatu bersifat abstrak.

Kemampuan individu berpuasa memerlukan ketahanan fizikal, mental dan emosi yang tinggi dan amat sukar dilalui atau dialami anak di peringkat awal umurnya. Jika tidak kena caranya, boleh menjadi satu penderaan fizikal dan emosi bagi si kecil.

Usah paksa jika belum masa

Silap jika dikatakan kepada anak, berpuasa kerana mahu beraya atau kalau tak puasa tak boleh raya. Si kecil mungkin membayangkan puasa itu satu perkara menjadikan mereka terpaksa menghadapi tekanan dan kesusahan mendapatkan kegembiraan beraya. Sebagai implikasinya, si kecil hanya melihat puasa menyusahkan, jauh sekali memahaminya suatu ibadat atau latihan pembentukan sahsiah diri. Tahap kesediaan anak dari aspek fizikal, emosi dan

SILAP JIKA DIKATAKAN KEPADA ANAK YANG KITA BERPUASA KERANA MAHU BERAYA. KALAU TAK PUASA, TAK BOLEH RAYA. SI KECIL MUNGKIN MEMBAYANGKAN PUASA JADIKAN MEREKA TERTEKAN”

pemikiran perlu diambil kira sebelum menyuruhnya melakukan sesuatu yang bersifat abstrak dan jangan sesekali memaksanya melakukan sesuatu sebelum masanya.

Tempoh tiga tahun

Saranan Rasulullah SAW menyuruh ibu bapa menggalakkan anak menunaikan solat ketika berusia 7 tahun ada hikmah yang besar di sebaliknya. Ini kerana solat juga suatu amal ibadat yang bersifat abstrak yang memerlukan kematangan fikiran untuk memahaminya. Ia memerlukan tiga tahun untuk si kecil cuba memahami dan mengamalkannya.

Ketika usianya 10 tahun, sesuai tahap kematangan pemikirannya yang baru memasuki alam awal remaja, barulah ibu bapa dibenarkan memukul dengan tujuan mendidiknya (bukan pukul dengan mengikut emosi dan melepaskan geram) supaya si anak terus beristiqamah tetap menunaikan solat.

JUALAN
Mega Raya
KAMDAR

13 JUN - 2 SEPT. 2012

www.kamdaronline.com

